

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
“Rumah Ku, Syurga Ku”



BIL: 6/2001

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

* NOV.-DIS. 2001

FAKIR MISKIN TIDAK DIABAIKAN

Kehadiran Ramadhan bulan yang mulia, umat Islam berpuasa pada siang hari dan membanyakkan amal ibadat, namun nasib fakir miskin, kurang upaya, anak yatim, balu dan orang tua tidak dilupakan begitu sahaja.

Mereka telah diraikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dalam majlis berbuka puasa sempena Nur Ramadhan di Masjid Saidina Othman Affan, Bandar Tun Razak, baru-baru ini.

Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik itu. Sumbangan berupa wang tunai RM100, beras 1 kampit 5 kg, kain sarung, kain tudung dan vitamin untuk setiap penerima. Seramai 1,800 orang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan telah menerima bantuan dan mendapat faedah daripada program turun padang Perdana Menteri Malaysia bersama rakyat tersebut.



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Hasmah Mohd. Ali bersama tetamu kehormat



Antara tokoh pemimpin dan Pegawai Kanan Kerajaan yang hadir dalam majlis bersama Perdana Menteri



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan sumbangan sempena Nur Ramadhan di Masjid Saidina Othman



Para VIP yang hadir bersama Perdana Menteri



Tuan Haji Salleh Yusup
Pengarah Jabatan
Pengurusan Perumahan

MENGHADAPI CABARAN TAHUN 2002

Selamat Berpuasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga rumah kita.

Kita akan meninggalkan Tahun 2001 dan akan menjelang Tahun 2002 yang akan membawa cabaran baru kepada kita semua. Mengimbas kembali tahun 2001 kita seharusnya menilai kemajuan yang telah capai dari segi menjadikan rumah kita sebagai kawasan kediaman yang selesa dan sejahtera.

Sepanjang tahun lepas kita bercakap mengenai bagaimana cara untuk kita menjadikan kediaman selesa yang menjadi idaman. Kita membincangkan mengenai peranan persatuan-persatuan penduduk yang seharusnya menjadi proaktif membantu Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL menjaga kediaman kita melalui aktiviti yang menyumbang kepada kebajikan masyarakat.

Kita membangkitkan isu bagaimana kehidupan yang lebih murni perlu diwujudkan di rumah kita melalui peraturan dan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan bertujuan mencegah kegiatan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan. Kita juga menyentuh mengenai bagaimana kita harus menjadikan rumah kita yang selamat melalui kempen taklimat kehidupan murni, pencegahan kebakaran dan pengunaan alat pencegahan dengan betul.

Di samping itu kita juga membincangkan bagaimana perumahan kita akan menjadi alat perpaduan kaum dengan menekankan kepada hidup berjiran. Sementara kita menjadikan golongan berpendapatan rendah sebagai agenda utama perumahan awam, golongan orang kurang upaya tidak diaibaikan di samping memberi keutamaan kepada ibu bapa yang miskin di bandar perlu mendapat pembelaan. Golongan remaja mahu dibentuk menjadi golongan cemerlang ke arah mewujudkan bandar raya gemilang kerana penduduk dalam peringkat ini perlu dididik untuk menjadi aset negara masa depan bagi memimpin negara.

Semua yang kita lakukan ini adalah semata-mata untuk mencapai tujuan supaya penduduk rumah kita dapat menikmati sebuah kehidupan berjiran yang berkualiti, bersih dan kemas. Persoalannya adakah kejayaan yang telah capai untuk menjadikan kawasan kediaman kita seperti yang diimpikan atau sebaliknya.

Kita lihat sikap penghuni rumah kita telah sedikit berubah untuk bersama menjaga kebersihan walaupun ada beberapa rumah kita yang masih jauh ketinggalan terutamanya kawasan perumahan yang lama. Sikap kita juga telah berubah untuk menjaga keindahan kawasan dengan kegiatan musnah laku kemudahan awam yang disediakan telah dapat dikurangkan. Sikap kita lebih baik untuk sama-sama membaiki keindahan taman dan seni taman dengan pelbagai bentuk yang cantik, menarik dan kemas.

Perubahan sikap ini adalah hasil penerangan yang terus berjalan sepanjang tahun melalui pertemuan dengan persatuan-persatuan penduduk, kempen-kempen dan motivasi, program kemasyarakatan, sukan dan rekreasi dan keberkesanannya tindakan penguatkuasaan yang dijalankan.

Kerjasama yang lebih erat telah dapat dijalin antara pihak pengurusan dan penduduk melalui apa yang ditunjukkan apabila kita menganjurkan berbagai program dan aktiviti di kawasan perumahan berkaitan. Kita lihat juga penyertaan yang menggalakkan dari golongan remaja dan belia kita dalam acara tersebut di samping sambutan yang baik dari semua ethnic berbagai peringkat golongan dan umur.

Maka bagi tahun 2002 cabaran yang mendatang akan menjadi lebih hebat lagi. Tanggungjawab kita akan menjadi lebih besar apabila jumlah kediaman yang bertambah dan jumlah penduduk yang juga akan bertambah sekali ganda daripada yang ada sekarang.

Harapan yang meninggi kepada kualiti perkhidmatan yang terbaik juga akan dirasakan semua jentera pentadbiran jabatan. Cabaran untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya yang cekap dan berkualiti sekaligus akan menyebabkan kerja penyelenggaraan dan mencantik kediaman rumah kita sebagai kediaman yang berkualiti terbersih, kemas dan indah perlu dilipat gandakan.

Tahun-tahun ke hadapan akan menjanjikan kita taraf kehidupan bandar raya yang lebih cemerlang. Untuk menjadikan kehidupan yang cemerlang kita tidak boleh lagi menuding jari kepada orang lain apabila kawasan kediaman kita dipandang sebagai kawasan kediaman yang kotor, tidak kemas, banyak vandalisme harta awam, sarang dadah dan jenayah, masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan banyak masalah masyarakat yang menyakitkan.

Kita perlu menyalahkan diri sendiri di atas kelemahan yang berlaku kerana kita sebagai penghuni di situ. Kita perlu mencari jalan yang terbaik untuk menjadikan kawasan kediaman kita yang selesa dan selamat. Kita perlu mendisiplinkan diri dan keluarga

untuk bersama-sama berganding bahu menjaga kebersihan sekitar. Kita perlu meningkatkan lagi kesedaran sivik untuk menjaga kesejahteraan dan keamanan kediaman kita baik dari fizikal maupun kerohanian.

Oleh itu marilah kita bersama-sama bertekad berganding bahu bekerjasama untuk memastikan kawasan kediaman kita lebih bersih, lebih ceria dan lebih selesa. Bersih bukan sahaja melibatkan keadaan fizikal sahaja tetapi kelakuan, amalan dan juga persekitaran yang merangkumi zahir dan batin. Sama-sama kita terus jadikan rumah kita sebagai Rumahku Syurgaku.

Sekian, terima kasih

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Dolmat Md. Som
Ab Wahab bin Omar

Pembaca Pruf

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Pengedaran

Khairul Azman bin Kamaruddin

Tulisan yang tersiar dalam majalah
BERITA RUMAH KITA
tidak semestinya menggambarkan fikiran
Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA
Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Peti Surat 11022,
50100 Kuala Lumpur
atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI
No. Tel. 03-26938166 samb. 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	- 26916011
Aduan Awam DBKL	- 26934531
Hot Line (24 jam)	- 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan	- 26938166
Perumahan	samb. 125/126
Pej. Zon 1	- 91734513
Pej. Zon 2	- 92215505
Pej. Zon 3	- 40420340
Pej. Zon 4	- 61899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur



Pengerusi Panel Encik Aziz Desa (satu dari kanan) bersama ahli -ahli panel Forum Perdana Hal Ehwal Islam Sri Tioman 1

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM SRI TIOMAN I

Jihad banyak kategori. Jihad melawan hawa nafsu, melawan setan, menentang kezaliman, kemungkaran dan bukan sekadar menentang musuh yang dilakukan menggunakan senjata yang boleh membawa pengorbanan nyawa dan harta benda. Zaman

Rasulullah, jihad berlaku dalam bentuk perperangan, pengorbanan nyawa dan harta benda. Bagi mereka yang kurang upaya membantu dalam bentuk makanan, kenderaan, wang ringgit, perubatan dan penyampaian dakwah.

Di Malaysia sekarang, dalam keadaan yang aman damai, sejahtera, harmonis, jihad tidak lagi ditafsirkan untuk berperang, mati syahid di medan perang, tetapi berjihad membina kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Jihad hari ini lebih dilihat ke arah kehidupan yang lebih baik, meninggikan taraf hidup, adalah menjadi kewajipan umat Islam membangunkan umat Islam di Malaysia.



Datuk Zulhasnan Rafique bersama para jemputan Forum Perdana Ehwal Islam Sri Tioman 1



Penduduk Sri Tioman 1 hadir dalam majlis Ilmu

Pengertian jihad adalah luas, bukan sekadar mati syahid di medan perang, terutama bagi umat Islam Malaysia yang aman damai dan sejahtera. Namun kita tetap dalam keadaan perang atau berjihad bagi meninggikan taraf ekonomi, pendidikan dan kemahiran supaya setanding dengan kaum bukan Islam.

Untuk mencapai kejayaan yang lebih bermakna dalam hidup ini, kita harus berjihad dan berusaha lebih hebat lagi bagi mencapai kemajuan dalam sebuah negara yang terbuka seperti Malaysia ini, hanya mereka yang sanggup bekerja keras mampu mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam hidup ini. Namun masing-masing mempunyai peranan dan kebolehan bagi menyahut jihad berdasarkan pengertian di Malaysia dengan suasana politik yang ada hari ini.